

ANALISIS GAYA BAHASA PERBANDINGAN DALAM SYAIR AWANG SEMAUN

KHAYRIN KAMALIA BINTI RAMLE
Universiti Kebangsaan Malaysia
khyrnkmalia27@gmail.com

*ZUBIR BIN IDRIS**
Universiti Kebangsaan Malaysia
zidris@ukm.edu.my

** Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Syair Awang Semaun merupakan sebuah naskhah daripada negara Brunei yang menceritakan tentang salasilah serta sejarah kejadian negara Brunei. Penulisan makalah adalah untuk meneliti penggunaan gaya bahasa perbandingan yang digunakan dalam *Syair Awang Semaun*. Kajian ini telah dijalankan secara kualitatif iaitu maklumat dan data utama diperolehi melalui sumber sekunder seperti mendapatkan bahan-bahan bacaan dari perpustakaan serta artikel-artikel jurnal berkenaan gaya bahasa dan syair. Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan digunakan sebagai kerangka analisis, berdasarkan gaya bahasa perbandingan yang mengkategorikan tiga bentuk, iaitu; (1) metafora; (2) personifikasi dan (3) perumpamaan. Analisis mendapati pengarang *Syair Awang Semaun* telah memanfaatkan ketiga-tiga bentuk gaya bahasa tersebut dalam syairnya. Penggunaan gaya bahasa metafora telah dimanipulasi dengan menempatkan bahasa biasa dalam konteks baharu untuk membolehkan bahasa tersebut menggugurkan makna lazimnya sejajar menyerap makna baharu, dengan itu memperluaskan makna syairnya. Pemanfaatan personifikasi pula membolehkan objek untuk membikin makna, membina suasana serta menyampaikan mesej. Dalam konteks penggunaan gaya bahasa perumpamaan selain daripada yang sedia ada, pengarang mencipta perumpamaan baharu lantas memperkenalkan kelainan yang segar dan bertenaga, sekali gus menghasilkan makna tambahan yang dihadirkan oleh kelainan tersebut. Melalui kajian ini diharap dapat menambahkan lagi kajian terhadap hasil perbendaharaan kesusasteraan Melayu lama.

Kata kunci: Brunei; gaya bahasa; perbandingan; *Syair Awang Semaun*; Tarigan

ANALYSIS OF COMPARATIVE LANGUAGE STYLE IN SYAIR AWANG SEMAUN

ABSTRACT

Syair wang Semaun is a manuscript from the country of Brunei that tells about the genealogy and history of the events of the country of Brunei. The writing of the paper is to examine the use of comparative language style used in *Syair Awang Semaun*. This study was carried out

qualitatively, which means that the main information and data were obtained through secondary sources such as reading materials from the library and journal articles regarding language and poetry styles. Language Style Model by Henry Guntur Tarigan is used as an analysis framework, based on comparative language style that categorizes three forms, namely; (1) metaphor; (2) personification and (3) simile. The analysis found that the author of *Syair Awang Semaun* has used all three forms of language style in his poetry. The use of metaphorical language style has been manipulated by placing ordinary language in a new context to allow the language to drop its usual meaning while absorbing new meaning, thereby expanding the meaning of the poem. The use of personification allows objects to create meaning, create an atmosphere and convey a message. In the context of the use of parable language style other than the existing one, the author creates a new parable and introduces a fresh and energetic twist, thus producing additional meaning presented by the twist. Through this study it is hoped to add more research to the results of the treasury of old Malay literature.

Keywords: Brunei; style of language; comparison; *Syair Awang Semaun*; Tarigan

PENGENALAN

Syair Awang Semaun merupakan sebuah karya syair yang berasal daripada negara Brunei Darussalam. Syair merupakan sebuah karya sastera yang sangat mendapat tempat di hati masyarakat Brunei dan menjadi hiburan kepada masyarakat istana Raja Melayu Brunei. Menurut Ampuan Haji Ibrahim (2008) dalam kajiannya “Manuskrip *Syair Awang Semaun*: Kajian dan Manfaatnya kepada Orang Brunei”, *Syair Awang Semaun* ini telah menjadi salah satu syair yang sangat popular dan penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional Brunei. Hal ini dikatakan demikian kerana teks *Syair Awang Semaun* banyak memaparkan peristiwa asal-usul pembentukan negara Brunei. Selain itu, teks syair ini juga memberikan gambaran semangat patriotik berdasarkan watak utamanya iaitu Awang Semaun yang sentiasa berusaha mempertahankan negara Brunei. Naffi dan Norazimah dalam kajian mereka “Wasilah Mesej Melayu Melalui Penyair Zaman SITC (1922-1957)” (2014) menyatakan bahawa seseorang penyair memiliki rasa tanggungjawab sosial untuk menyeru bangsanya supaya berada pada landasan hidupan yang sebenar. Hal ini bertepatan dengan pengarang *Syair Awang Semaun* yang cuba menerapkan tanggungjawab sosial kepada pembacanya melalui pengisiannya yang berkaitan dengan kenegaraan, peperangan dan kemenangan. Menurut A. Halim, Norazimah dan Ariff dalam penulisannya “Gambaran Budaya Masyarakat Brunei dalam Kumpulan Puisi *Diam-Diam* karya K. Manis” (2017), gambaran mengenai masyarakat Brunei yang nilai tinggi banyak ditulis dalam buku sejarah namun tidak banyak digambarkan dalam karya puisi. *Syair Awang Semaun* telah menjadi salah satu karya yang ada mengetengahkan mengenai masyarakat dan kenegaraan negara Brunei.

Manuskrip *Syair Awang Semaun* yang terdapat dalam beberapa versi ada disimpan di institusi-institusi penyimpanan manuskrip negara Brunei seperti Arkib Negara, Jabatan Pusat Sejarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, koleksi persendirian dan sebagainya. Suatu perkara yang menarik yang dapat diteliti berdasarkan syair ini ialah penggunaan gaya bahasanya yang menarik oleh pengarang.

Gaya bahasa merupakan nadi kepada sesebuah karya sastera. Penggunaan gaya bahasa dalam sesebuah karya sastera dapat menghasilkan satu karya sastera yang baik dari segi pemikiran dan daya tarikan karya sastera untuk mengekalkan minat khalayak pembacanya. Susunan diksi, pemilihan kata, kesesuaian bunyi, keindahan irama yang seimbang dan santai mampu membuatkan gagasan idea yang ingin disampaikan kelihatan sangat menarik. Perkara ini sekali gus menjadikan mesej yang ingin disampaikan jelas selain berupaya memberikan kesan rasa yang berbeza kepada khalayak pembaca. Kesan rasa yang dihasilkan ini akan memberikan satu nafas kepada sesebuah karya sastera sepertinya ia hidup di sekeliling masyarakat.

Syair Awang Semaun dipilih sebagai latar penulisan makalah ini kerana terdapat penggunaan gaya bahasa perbandingan yang menarik, yang telah dimanfaatkan dengan berkesan oleh pengarangnya. Walaupun penyampaiannya ringan dan bersahaja tetapi mampu memberikan keasyikan kepada khalayak pembaca berdasarkan penggunaan gaya bahasanya yang memikat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang melibatkan penelitian terhadap kandungan teks kajian. Teori Henry Guntur Tarigan (2009) (seterusnya Tarigan) telah dipilih kerana mampu menyerlahkan dan mengenal pasti gaya bahasa yang terdapat dalam *Syair Awang Semaun*. Teori yang digunakan ini bersesuaian dan selari dengan definisi puisi yang dikemukakan oleh Tarigan (1983), iaitu puisi sebagai karangan berangkap bagi melafazkan dan melukiskan fikiran yang cantik menerusi bahasa yang indah. Oleh itu, penulisan makalah iadalah berteraskan teori Henry Guntur Tarigan sebagai asas analisis kajian.

Berdasarkan teori Henry Guntur Tarigan (2009), gaya bahasa terdiri daripada empat pecahan, iaitu pertautan, perbandingan, pertentangan dan perulangan. Namun begitu, daripada empat pecahan ini, penelitian makalah ini hanya memfokuskan gaya bahasa perbandingan sebagai asas kajian. Antara gaya bahasa perbandingan seperti dikemukakan oleh Tarigan yang akan dibincangkan ialah metafora, personifikasi dan perumpamaan. Justeru, ketiga-tiga bentuk yang dikemukakan oleh Tarigan ini akan diteliti sebaiknya untuk menganalisis teks *Syair Awang Semaun*. Analisis dibuat bagi menunjukkan bagaimana pengarang teks *Syair Awang Semaun* ini telah memanfaatkan penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam penghasilan karyanya.

ANALISIS KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis serta mengenal pasti penggunaan gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam *Syair Awang Semaun*. Kajian ini dapat memberikan satu lagi sudut pandang kepada masyarakat tentang gaya bahasa perbandingan yang terdapat dalam puisi Melayu Brunei.

Gaya Bahasa Perbandingan

Penggunaan gaya bahasa perbandingan adalah untuk memberi kesan serta makna yang tertentu dengan cara membandingkan satu perkara dengan perkara yang lain. Perbandingan gaya bahasa ini boleh dilakukan terhadap pelbagai perkara seperti flora dan fauna, unsur alam semesta, anggota badan manusia dan pergerakan manusia. Pelbagai perkara yang terdapat di sekeliling manusia dapat dijadikan sebagai satu perbandingan bagi menghasilkan karya sastera yang indah dan memberikan kesan kepada yang membaca atau mendengarnya. Menurut Nik Hassan Basri (2005),

bentuk bahasa perbandingan yang indah yang digunakan untuk menambah kesan serta makna tertentu dengan membuat perbandingan sesuatu perkara dengan sesuatu perkara yang lain.

Tarigan (2009) menyenaraikan sebanyak sepuluh gaya bahasa perbandingan iaitu ‘perumpamaan’, ‘metafora’, ‘personifikasi’, ‘depersonifikasi’, ‘alegori’, ‘antitesis’, ‘pleonasme’, ‘perifrasis’, ‘prolepsis’ dan ‘koreksio’. Namun, dalam makalah ini hanya tiga gaya bahasa perbandingan sahaja dipilih untuk dianalisis penggunaannya dalam *Syair Awang Semaun* iaitu ‘metafora’, ‘personifikasi’ dan ‘perumpamaan’.

Metafora

Menurut Tarigan (2009), metafora ialah perbandingan yang tersirat yang berlaku tanpa kata seperti atau sebagai perantara dua hal yang berbeza. Penggunaan gaya bahasa ini seperti menggunakan kata-kata yang bukan maksud sebenarnya. Ia boleh juga difahami sebagai satu kiasan yang tidak disampaikan secara langsung.

Umum mengetahui bahawa metafora adalah berfungsi untuk membandingkan dua benda yang sama maksudnya atau seakan-akan sama maksudnya. Contoh yang dapat diberikan adalah masyarakat kerap kali menggunakan perlambangan seperti ‘bunga’ bagi merujuk kepada seorang gadis dan ‘kumbang’ yang merujuk kepada lelaki, yang diumpamakan spesies serangga yang gemar menghisap madu di bunga. Pencipta karya-karya sastera ini tidak akan menggunakan bahasa yang secara terus kerana ianya dianggap sebagai tidak sopan. Hal sebegini mendorong pengkarya mencari idea bagi mewakili sesuatu perkara yang hendak mereka sampaikan secara tidak langsung, yang bukan sahaja kedengaran unik dan kreatif tetapi sarat dengan makna di sebalik kata-kata perbandingan yang digunakan. Md Zahril Nizam, Darwalis, Noriah dan Mohd Najib dalam kajian mereka bertajuk “Analisis Stilistik dalam Teks Melayu *Hikayat Abdullah*” (2020) menyatakan bahawa metafora adalah sebuah proses linguistik yang digunakan untuk membuat perbandingan antara sifat sesuatu perkara atau orang dan sesuatu yang lain. Perbandingan boleh dibuat dengan pelbagai perkara seperti membandingkan pergerakan alam dan pergerakan manusia atau juga membandingkan bunti alam ean bunyi binatang.

Terdapat beberapa pandangan lain yang diajukan berkaitan metafora. Dinie Asyraf Salehan dan rakan (2018: 18) mengatakan metafora adalah salah satu cara untuk manusia memberikan bentuk lain kepada konsep yang diperhatikan dalam kehidupan. Nor Hashimah Jalaluddin (2020: 199) pula dalam penulisannya ada mengatakan bahawa metafora ini terbentuk dengan adanya objek khusus yang mempunyai pertalian yang rapat dengan makna. Hal ini sejajar dengan pandangan Hassan Ahmad (dalam Abang Patdeli Abang Muhi 2018: 28) berkaitan dengan metafora yang mengatakan bahawa dalam sistem pemikiran, kaedah analogi sering digunakan untuk membentuk konsep yang abstrak dengan menggunakan kata-kata benda/nama yang diambil daripada alam flora dan fauna atau alam tabii sebagai domain sumber yang literal untuk membentuk makna baharu yang disebut domain sasaran.

Dalam konteks *Syair Awang Semaun*, pengarangnya didapati telah memanfaatkan penggunaan gaya bahasa metafora ini dalam karyanya. Contohnya dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Yang tua putera kitani faham, ❖ Namanya Sultan Jalilul Alam,
Isterinya Puteri Permata Nilam, ❖ Cahayanya marak suluh alam.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Berdasarkan petikan rangkap syair tersebut, penggunaan gaya bahasa metafora dapat dilihat dalam baris keempat rangkap syair berdasarkan frasa ‘Cahayanya marak suluh alam’. Pengarang menggunakan perkataan ‘marak’ bagi menggambarkan cahaya yang datangnya dari isteri Sultan Jalilul Alam iaitu Puteri Permata Nilam. Marak menurut *Kamus Dewan* (2007: 998) ialah semarak cahaya atau seri. Melalui petikan ini, pengarang ingin menyatakan bahawa Puteri Permata Nilam mempunyai keserian wajah yang bercahaya, yang dikatakan terang sehingga menerangi seluruh alam. Begitu juga dengan penggunaan perkataan ‘suluh’, yang membawa maksud sesuatu yang digunakan untuk menerangi. Suluh digunakan bagi menggambarkan betapa terangnya cahaya keserian daripada isteri Sultan Jalilul Alam itu kepada sekalian alam.

Perkataan-perkataan yang digunakan seperti ‘marak’ dan ‘suluh’ seakan-akan membawa maksud yang sama. Namun, jika diteliti dengan sesungguhnya kedua-duanya membawa maksud yang berbeza dan merujuk kepada perkara yang berbeza. Kebijaksanaan pengarang dapat menjadikan baris dalam rangkap syair tersebut menjadi indah kerana tidak perlu menghuraikan dengan panjang tetapi cukup dengan satu atau dua perkataan untuk menggambarkan keserian Puteri Permata Nilam. Penggunaan gaya bahasa metafora ini dapat memberikan gambaran hubungan dan analogi kepada khalayak pembaca, sekali gus membantu masyarakat memahami hubungan kompleks di antara konsep-konsep yang dikemukakan. Penggunaan kata metafora yang kreatif dapat memberikan kesan kepada emosi dan fikiran para pembacanya berdasarkan pemilihan kata yang digunakan. Berhubung perkara ini, Arba’ie, Nurul Azimah, Nik Rafidah dan Intan Zahariah dalam kajian mereka “Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-kanak” (2014) menyatakan bahawa tanpa emosi, sesuatu karya yang dihasilkan menjadi hambar dan tidak menarik perhatian khalayak. Gerakan emosi yang hanya senada tiada naik atau turun akan kurang mendatangkan keseronokan kepada para pembacanya.

Seterusnya, gaya bahasa metafora dalam *Syair Awang Semaun* dapat dilihat menerusi rangkap syair berikut:

Ayamnya itu bulunya merah, ❖ Matanya besar warnanya darah,
Susunya panjang sisik nanggalah, ❖ Bunggulan sarang tiga berbelah.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Rangkap syair di atas memperihalkan peristiwa sabung ayam yang berlaku di antara ayam milik Raden Angsuka Dewan dan ayam milik Sinuai. Frasa ‘Matanya besar warnanya darah’ yang terdapat pada baris kedua rangkap syair tersebut memberikan gambaran bagaimana mata ayam yang berwarna merah tersebut sangat menakutkan kepada sesiapa yang melihatnya, yang kelihatan seolah-olah seperti warna merah darah. Persamaan ini memberikan gambaran bahawa mata ayam tersebut sangat kemerah-merahan sehingga boleh memberikan kegerunan kepada sesiapa sahaja yang melihatnya. Dalam hal ini, para khalayak pembaca akan turut sama dibawa untuk berimajinasi membayangkan bagaimana keadaan mata ayam tersebut.

Penggunaan gaya bahasa metafora yang dimanfaatkan oleh pengarang syair ini dapat membantu memberikan kejelasan konsep yang abstrak kepada yang lebih konkrit. Kaedah ini mungkin dapat membantu masyarakat untuk memahami gagasan idea atau konsep dengan lebih mudah walaupun tidak disampaikan secara langsung. Keindahan pada bahasa juga akan turut terhasil melalui penggunaan metafora seterusnya akan dapat meningkatkan daya tarikan komunikasi di antara pembaca dan teks syair.

Lanjutan daripada peristiwa sabung ayam tersebut, pengarang terus menggunakan gaya bahasa metafora bagi meninggalkan kesan tersendiri kepada khalayak pembaca. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap syair berikut:

Sinuai bersorak suaranya besar, ❖ Seperti bunyi guruh halilintar,
Bumi berlenggang gunung berkisar, ❖ Gunung larak bersatar-satar.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Dalam baris pertama rangkap syair di atas, pengarang menyatakan ‘Sinuai bersorak suaranya besar,’ yang diikuti dengan frasa ‘Seperti bunyi guruh halilintar’ pada baris kedua, dengan merujuk kepada suara Sinuai. Kemenangan ayam milik Sinuai iaitu Ayam Mutiara menewaskan Ayam Asmara milik Raden Angsuka Dewan menyebabkan seluruh warga Brunei bersorak atas kejayaan tersebut. Sinuai pemilik kepada ayam tersebut telah bersorak dengan sangat kuatnya sehingga digambarkan jeritannya sekuat bunyi guruh halilintar. Pemanfaatan gaya bahasa metafora yang diberikan oleh pengarang kepada ayam Sinuai tersebut seolah-olah telah dapat menimbulkan kesan yang dramatik, yang dapat menggambarkan situasi yang sedang berlaku pada ketika itu. Ada kemungkinan suasana pada waktu itu menjadi hiruk-pikuk apabila dikatakan suara Sinuai sekuat guruh halilintar. Dalam hal ini, pengarang dilihat telah berjaya untuk memberikan kesan yang amat dahsyat kepada khalayak pembaca apabila membayangkan suasana tersebut.

Dapatlah dirumuskan betapa penggunaan gaya bahasa metafora yang digunakan pengarang syair mampu memberikan kesan rasa malah inspirasi serta motivasi kepada khalayak. Hal ini kerana melalui pembacaan terhadap syair tersebut masyarakat dapat meresapi makna mendalam di sebalik kata-kata metafora yang digunakan. Hal ini sekali gus dapat merangsang pemikiran positif dan kreativiti khalayak pembacanya.

Personifikasi

Menurut Tarigan (2009), personifikasi merupakan kata yang berasal daripada bahasa Latin ‘persona’ iaitu bermaksud orang, pelaku, aktor atau topeng yang dipakai dalam drama. Hal ini menjelaskan bahawa personifikasi adalah satu alat atau wahana yang dapat memberikan ciri-ciri sifat manusia kepada benda yang tidak bernyawa. Mohd. Khir Kassim (2004:197) pula menyatakan bahawa personifikasi didefinisikan sebagai pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan atau peristiwa. Hal ini menunjukkan kembali perkara asas dalam kesusasteraan iaitu tidak menyatakan mesej kepada khalayak secara jelas. Perkara-perkara yang abstrak seperti perasaan, angin, hujan, kilat dan lain-lain juga boleh disifatkan kepada personifikasi.

Melati Desa (2020) dalam kajiannya “Analisis Terjemahan Metafora Hidup dan Personifikasi dalam Novel Jepun *Haru No Yuki*” menyatakan bahawa personifikasi mempunyai gaya yang menarik. Hal ini kerana personifikasi telah berjaya menimbulkan kehalusan pernyataan perasaan dan fikiran, menyindir, memberi teguran atau melahirkan kemarahan. Ainon dan Abdullah (2005) pula menyatakan bahawa personifikasi merupakan gambaran yang menganggap benda-benda dan idea seolah-olah manusia. Sebagai contoh yang boleh dikemukakan ialah awan **menangis** melihatkan bumi yang gersang, tiada sebarang perbezaan perasaan yang berlaku di antara benda yang hidup atau benda yang bukan hidup. Oleh itu, mengikut emosi manusia, awan mampu **menangis**. Menurut Muharam dan Zubir (2023), personifikasi mempunyai potensi besar

kerana ia membolehkan objek-objek tidak bernyawa atau idea diperlengkap dengan sifat dan ciri manusia, dengan itu membuka laluan untuk objek-objek bertindak di luar batas kemampuannya sebagai objek yang kelu dan kaku.

Pengarang *Syair Awang Semaun* didapati telah memanipulasikan gaya bahasa personifikasi ini dalam karya nukilannya, yang mampu membangkitkan kesan rasa kepada khalayak apabila menikmati karya. Penggunaan personifikasi ini dapat dilihat melalui petikan syair berikut:

Saudaranya juga di awan kuning ❖ Daun berlari mega menyinsing,
Nama Betara Bisnu Japarling, ❖ Saudara juga di awan berpusing.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Berdasarkan rangkap syair di atas, pengarang menggunakan personifikasi pada baris kedua syair melalui frasa ‘Daun berlari mega menyinsing’. Setiap perkataan yang digunakan membawa maksud yang berbeza. Umum mengetahui daun adalah bahagian yang terdapat pada pohon dan merupakan tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan merupakan sejenis benda hidup yang tidak boleh bergerak dengan sendiri berbanding manusia dan haiwan yang mampu untuk bergerak dengan sendiri. Tumbuh-tumbuhan boleh bergerak sekiranya didorong oleh sekelilingnya untuk bergerak. Contohnya angin yang bertiup menggerakkan daun yang ada di pohon. Perkataan ‘berlari’ pula merupakan satu kata kerja atau perbuatan yang biasanya dilakukan oleh manusia atau haiwan, yang menjelaskan tentang suatu pergerakan dengan pantas yang dilakukan untuk tujuan tertentu. Berdasarkan frasa ‘Daun berlari mega menyinsing’ pada baris kedua syair tersebut, pengarang memberikan sifat manusia iaitu berlari kepada tumbuh-tumbuhan (daun). Hal ini membawa khalayak pembaca membayangkan seolah-oleh daun tersebut boleh bergerak dengan berlari, sesuatu yang sememangnya mustahil untuk dilakukan pada hakikat yang sebenar. Kesan perorangan yang diberikan pengarang kepada daun ini berupaya memberikan kesan keindahan kepada khalayak pembaca. Adanya personifikasi berkaitan yang mengaitkan unsur alam dapat memperlihatkan penghormatan terhadap alam atau makhluk dengan menampilkan keunikan, keindahan atau kemampuan yang luar biasa melalui atribut manusia.

Begitu juga dengan istilah ‘mega menyinsing’ dalam frasa yang sama ‘Daun berlari mega menyinsing’ turut memberikan sifat manusia kepada sesuatu. *Kamus Dewan* (2007: 1012) mendefinisikan mega yang bermaksud awan atau terlalu besar atau hebat. Mega yang bermaksud awan ialah bersifat konkrit manakala mega yang bermaksud terlalu besar atau hebat ialah bersifat abstrak. Secara dasarnya, kedua-duanya merupakan bukan benda hidup dan tidak boleh bergerak. Awan boleh dilihat dengan mata kasar tetapi terlalu besar atau hebat tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Dengan memberikan sifat boleh menyinsing (perbuatan menarik ke atas atau hilang atau mulai terbit atau menyingskap) kepada mega atau awan, pengarang seolah-olah memberikan kesan tindakbalas serta-merta kepada daun dan mega tersebut apabila nama Betara Bisnu Japarling disebut. Betara Bisnu Japarling merupakan kekanda kepada Awang Semaun yang mempunyai kesaktian. Kesaktiaanya itu mampu menggerakkan siapa sahaja yang mendengar namanya. Justeru, pengarang dalam hal ini dilihat memanipulasikan gaya bahasa personifikasi bagi menjelaskan betapa alam menjadi gentar dengan daun yang berlari dan awan yang menyinsing hilang apabila nama Betara Bisnu Japarling disebut, apatah lagi kesannya kepada sesama manusia. Hal ini dapat memudahkan pemahaman khalayak pembaca kerana pengarang telah memberikan karakter kepada satu konsep abstrak. Gambaran yang disamakan dengan manusia akan lebih jelas kerana lebih dekat dengan diri manusia. Selain itu, gaya bahasa personifikasi ini juga memberikan

nilai estetika yang tinggi kerana memberikan gambaran yang hebat dan indah kepada khalayak pembaca apabila pengarang menyamakan pergerakan daun dengan larian manusia. Seterusnya, penggunaan gaya bahasa personifikasi dalam syair ini dapat dilihat berdasarkan rangkap syair berikut:

Rakyat Semaun ramai bersorak, ❖ Bunyi seperti batu yang larak
Si Jerembak berhindik bumi terhambak, ❖ Kayuan terbang seperti turak.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Frasa ‘Kayuan terbang seperti turak’ dalam baris keempat rangkap syair di atas adalah satu lagi contoh penggunaan personifikasi. Kayuan adalah kata ganda kepada kayu. Kayu berasal daripada pokok dan mempunyai banyak kegunaan. Antara kegunaan kayu adalah sebagai barangan perabot, kayu bakar untuk menghidupkan api, bahan binaan dan juga untuk membuat kertas. Kayu terdiri daripada pelbagai jenis kayu seperti kayu lembut, sederhana dan keras. Kayu bukan benda hidup serta tidak boleh bergerak dengan sendirinya.

Turak pula ialah sejenis tarian yang dipanggil ‘Tari Turak’. Mardorini (2020) menyatakan bahawa ‘Tari Turak’ merupakan salah satu kesenian yang ada dalam masyarakat Musi Rawas yang merupakan salah satu kabupaten di Provinsi Sumatera Selatan. Menurut beliau, tarian ini dikonsepskan untuk menyambut tetamu yang berniat jahat kerana tarian ini mampu menggelabuhi para tetamu yang sedang lengah di saat melihat gemulainya penari ketika menari.

Rangkap syair tersebut sebenarnya adalah lanjutan daripada peristiwa sabung ayam seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Perlawanan sabung ayam tersebut berlangsung di antara ayam milik Raden Angsuka Dewa dan Sinuai. Sinuai merupakan anak saudara kepada Awang Semaun. Ayam milik Sinuai yang bernama Mutiara berjaya menewaskan ayam milik Raden Angsuka Dewa iaitu Asmara. Apabila kemenangan berpihak kepada Brunei, maka seluruh rakyat bersorak meraikan kejayaan ayam Mutiara milik Sinuai yang menewaskan Asmara. Suasana pada ketika itu penuh dengan dengan sorakan dan keriuhan oleh rakyat Brunei. Berdasarkan frasa ‘Kayuan terbang seperti turak’ tersebut, pengarang ingin merakamkan gambaran suasana rakyat Brunei yang seolah-olah sedang berpesta menyambut kemenangan tersebut hinggakan segala kayu-kayuan berterbangan di sekitar kawasan pertarungan berkenaan. Apa yang lebih dramatik lagi ialah apabila pengarang memberikan gambaran betapa kayu-kayuan yang hakikatnya adalah suatu objek yang berat tetapi seolah-olah nampak ringan sahaja untuk bergerak seperti turak, demi menggambarkan suasana hiruk-pikuk bagi menyambut kemenangan orang Brunei dalam perlawanan sabung ayam tersebut.

Kesan penggunaan personifikasi yang digunakan pengarang ini sesungguhnya berupaya mendorong imaginasi pembacanya. Pemerian kepada sifat-sifat manusia ini akan memberikan lebih kesan keindahan kepada khalayak pembaca kerana mereka dapat membayangkan perkara-perkara yang tidak hidup dengan karakter manusia. Pemahaman pembaca terhadap konsep kata yang digunakan pengarang turut bertambah melalui personifikasi.

Seterusnya, penggunaan gaya bahasa personifikasi ini juga terdapat dalam rangkap *Syair Awang Semaun* seperti yang di bawah:

Tersebut pula Awang Alak jauhari, ❖ Ia pun pun masuk ke dalam puri,
Lalu melimpang Awang Alak bestari, ❖ Burung berkata berperi-peri.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Berdasarkan kepada rangkap syair yang dinyatakan, terdapat penggunaan personifikasi dalam baris keempat rangkap syair 'Burung berkata berperiperi'. Dalam hal ini, pengarang telah memberikan sifat dan perbuatan manusia kepada burung tersebut. Hal ini kerana, manusia sahaja yang mempunyai kemampuan untuk berkata atau berperiperi. Pengarang mungkin ingin menciptakan gambaran yang menarik mengenai perbuatan burung tersebut supaya lebih membuka imaginasi pembacanya. Hal ini juga mungkin untuk mewujudkan ketaajuban kepada pembaca kerana burung tersebut memiliki kemampuan yang luar biasa kerana boleh berkata dan berperiperi. Apatah lagi perkataan 'berperiperi' tersebut membawa maksud berkata atau bercakap dengan bersungguh-sungguh.

Salah satu daripada perbuatan manusia ialah berkata dan perkataan tersebut digunakan pada haiwan bagi menunjukkan perbuatan haiwan tersebut. Penyamaan tindakan manusia dan haiwan memberikan gambaran bahawa haiwan ini boleh berkomunikasi dengan baik dengan manusia. Walau bagaimanapun, secara logiknya haiwan tidak mampu untuk berkata-kata seperti manusia biasa. Burung nuri sahaja dikatakan boleh bercakap tetapi dengan ajukan sahaja. Burung tidak bercakap untuk tujuan komunikasi harian bersama manusia.

Berdasarkan penggunaan gaya bahasa personifikasi oleh pengarang dalam rangkap syair di atas, dapat dilihat betapa ia mampu menciptakan hubungan perasaan sesama pengarang dan khalayak pembaca. Hal ini kerana dengan memberikan sifat-sifat manusia kepada perkara-perkara bukan manusia, personifikasi dapat membantu menciptakan hubungan perasaan dan emosi antara pembaca dengan naratif atau tulisan. Personifikasi merupakan pemberian persamaan satu perkara dengan satu perkara yang lain. Pemberian persamaan ini juga boleh membantu membukan minda pembaca. Kreativiti pengarang dalam membuat penyamaan dalam penulisannya akan menarik minat pembaca. Penyamaan boleh dilakukan dengan apa sahaja perkara yang berada di sekeliling manusia.

Perumpamaan

Tarigan (2009) menyatakan perumpamaan adalah kata asal *simile* dalam bahasa Inggeris. *Simile* berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud 'seperti'. Perumpamaan ini adalah membandingkan dua perkara yang berbeza tapi sengaja dianggap sama. Gaya bahasa simile atau perumpamaan menurut Keraf (1987) merupakan satu perbandingan yang bersifat eksplisit, iaitu maksud yang ingin disamakan itu adalah bersifat jelas dan tanpa ada berkias-kias serta tepat kepada satu perkara yang hendak dibandingkan. Perbandingan ini boleh dilihat melalui penggunaan perkataan-perkataan yang biasanya digunakan untuk membuat perbandingan. Antara kata yang menunjukkan kepada kesamaan dalam membuat perbandingan ialah: 'seperti', 'sama', 'sebagai', 'bagaikan', 'laksana' dan lain-lain lagi. Simile digunakan untuk mengungkapkan suatu hal dengan cara mengumpamakannya dengan suatu hal yang lain yang mempunyai kesamaan.

Menurut Muharam dan Zubir (2023: 209), penulis puisi menggunakan perumpamaan sebagai perbandingan terhadap perilaku manusia, agar sindiran yang diniatkan itu dapat disampaikan dengan cara berkias, berhemah dan berkesan. Hal ini selari dengan konsep budaya Melayu yang mementingkan kesopanan dan bahasa yang halus dalam teguran supaya maruah seseorang sentiasa terjaga dan tidak tercemar. Hal ini penting kerana harga diri atau maruah seseorang itu sangat berharga. Setiap kata-kata berupa nasihat akan memberikan kesan yang mendalam dalam diri seseorang individu. Justeru itu, perumpamaan telah digunakan sebagai perbandingan terhadap perilaku manusia, agar sindiran yang diniatkan itu dapat disampaikan kepada khalayak. Penggunaan bahasa yang halus dengan berkias dan santun dapat mencerminkan akan keindahan dan nilai yang ada pada masyarakat Melayu.

Dalam *Syair Awang Semaun*, telah dikenal pasti beberapa contoh penggunaan gaya bahasa perumpamaan/simile yang diketengahkan oleh pengarang. Contohnya dapat dilihat dalam rangkap syair berikut:

Marahnya seperti ribut, ❖ Kamu bersorak beragut-ragut,
Belumlah kami nyawa tercabut, ❖ Demang Semaun terlalu takut.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Berdasarkan kepada rangkap syair di atas, terdapat penggunaan gaya bahasa perumpamaan. Pengarang menggunakan perkataan ‘seperti’ untuk menerangkan perumpamaan kepada perkataan marah pada baris pertama rangkap syair. Sikap marah menjelaskan tentang perasaan panas hati atau geram, sama ada ditipu, diperdaya atau pun mungkin kerana diperlakukan dengan perkara yang tidak sepatutnya. Perkataan ‘marah’ menunjukkan emosi manusia yang tidak baik dan kadang kala sulit untuk mengawal diri apabila sedang marah. Marah mampu mewujudkan perasaan tidak berpuas hati seterusnya mengekspresikan emosi dengan agresif. Marah juga boleh terjadi sekiranya terdapat faktor yang mendorongnya seperti kekecewaan, penghinaan, ketidakadilan dan ketidaksepakatan.

Perkataan ‘ribut’ dalam frasa ‘Marahnya seperti ribut’ seperti yang dinyatakan dalam baris pertama syair menerangkan perumpamaan kepada perkataan marah. Ribut merupakan satu keadaan cuaca yang buruk. Sewaktu ribut berlaku keadaan sekeliling akan menjadi tidak tenang. Sebagai contoh akan berlaku hujan yang lebat, tiupan angin yang kencang, petir sambar-menyambar serta keadaan menjadi sangat sejuk. Menurut *Kamus Dewan* (2007: 1329), ribut bermaksud keadaan cuaca buruk yang meupakan gabungan unsur seperti angin, tekanan, awan dan kerpasan yang merangkumi ribut petir, siklon dan tornado. Selain itu, ribut juga boleh merujuk kepada pergaduhan yang menimbulkan suasana yang bising sehingga mengganggu keadaan sekeliling.

Melalui dua perkataan tersebut, pengarang ingin memberikan gambaran kepada pembaca bagaimana emosi marah berkenaan. Pengarang dalam hal ini dilihat menggambarkan betapa emosi marah yang sedang melanda itu terlalu besar atau tidak terkawal sehingga keadaan marah tersebut seperti sebuah ribut. Emosi marah itu sendiri telah menunjukkan satu keadaan yang tidak stabil lalu disamakan seperti ribut. Menurut Muhammad Nor Sahfiq dan Mas Rynna Wati dalam kajiannya “Rasa Emosi Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*” (2021), karya sastera ini berperanan sebagai wadah untuk meluahkan ekspresi serta membentuk pemikiran kritis dalam kalangan pengkarya itu sendiri mahupun refleksi pembaca. Hal ini memberikan peluang kepada pengkaryanya untuk menyampaikan gagasan idea atau pandangan mereka melalui medium seni penulisan. Dalam konteks khalayak pembaca, dapat diandaikan bahawa mereka boleh membayangkan suasana dan perasaan watak, yang sedang melalui konflik diri yang sungguh tegang dan tidak menyenangkan.

Kesan penggunaan gaya bahasa perumpamaan dapat memberikan kefahaman kepada konsep yang lebih ketara kepada khalayak pembaca. Perumpamaan dapat memberikan analogi konkrit untuk membantu khalayak pembaca memahami gagasan idea atau konsep yang mungkin sukar untuk difahami dan memberikan gambaran situasi yang lebih mudah dikenal pasti oleh pembaca. Keindahan perumpamaan ini juga dapat menunjukkan kreativiti pengarang dalam menerapkan mesej tersirat melalui penulisan. Hal ini juga secara tidak langsung menjadikan bahasa penulisan menjadi lebih menarik.

Selain itu, terdapat juga contoh lain penggunaan gaya bahasa perumpamaan dalam *Syair Awang Semaun* ini. Contoh dapat dilihat berdasarkan rangkap syair berikut:

Perempuan bernama Raden Galuh, ❖ Cahaya terang laksana suluh,
Di sebelah Jawa negerinya jauh, ❖ Gagah berani tidak bertanggung.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Berdasarkan contoh yang dinyatakan, terdapat perkataan ‘laksana’ dalam baris pertama rangkap syair tersebut. Perkataan ‘laksana’ merupakan salah satu perkataan yang menunjukkan adanya penggunaan gaya bahasa perumpamaan/simile dalam karya sastera. Perkataan tersebut menunjukkan perbandingan persamaan dalam baris syair. ‘Cahaya terang’ yang dinyatakan sudah menunjukkan satu keadaan yang terang atau cerah dan disamakan dengan suluh. Suluh menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2007: 1539) bermaksud sesuatu yang digunakan untuk menerangi. Begitu juga dalam rangkap dalam *Syair Awang Semaun* berikut, yang menunjukkan kesan penggunaan gaya bahasa perumpamaan/simile:

Sampai lagi Si Datu Agas, ❖ Ialah penghulu di negeri Sambas
Sekalian rumah habis dirampas, ❖ Langis sebagai telur dikupas.

(Hajah Hasimah (pngr): 2010)

Berdasarkan kepada baris keempat rangkap syair tersebut, pengarang menyatakan ‘Langis sebagai telur dikupas’. Penggunaan perkataan ‘sebagai’ adalah menunjukkan adanya simile dalam rangkap tersebut. Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2007: 884), ‘langis’ membawa maksud tiada yang tinggal lagi atau bersih. Telur yang telah direbus kemudian dikupas akan mempunyai tekstur yang berwarna putih dan licin. Rangkap syair tersebut menceritakan tentang Awang Jerembak yang sedang meluaskan jajahan takluknya dengan merampas negeri yang diperintah oleh Si Datu Agas. Negeri tersebut bernama Samdas. Penaklukan oleh Awang Jerembak telah membuat kesemua rumah di tanah Samdas habis dirampas dan kawasan tersebut menjadi langis atau bersih bagai permukaan telur rebus yang baru dikupas.

Berdasarkan kepada kedua-dua contoh rangkap syair tersebut, nyatalah kesan penggunaan gaya bahasa perumpamaan ‘Cahaya terang laksana suluh’ dan ‘Langis sebagai telur dikupas’ memberikan keindahan dengan membuat sesuatu cerita nampak lebih hidup. Para pembacanya akan merasa lebih terlibat dan terbawa dalam suasana yang dihadirkan oleh perumpamaan tersebut. Perumpamaan juga boleh mendorong pembacanya membuat perbandingan yang lebih terukur. Sifat-sifat dan karakter sesuatu perkara itu dapat diukur melalui perbandingan dengan perkara biasa yang telah dikenal pasti.

Gaya bahasa perumpamaan memberikan gambaran persamaan kepada khalayak pembaca. Penggunaan perkataan ‘laksana’, ‘sebagai’, ‘seperti’, ‘bak’, ‘nan’, dan ‘bagai’ boleh memberikan gambaran persamaan dengan sesuatu dalam minda pembacanya. Khalayak pembaca boleh membayangkan sendiri sesuatu gambaran yang diberikan sekali gus dapat bantu memudahkan pemahaman terhadap syair. Gaya bahasa perumpamaan juga dapat memberikan kesan seperti keindahan irama kepada khalayak pembacanya.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap teks *Syair Awang Semaun*, dapat disimpulkan bahawa *Syair Awang Semaun* menunjukkan penggunaan gaya bahasa perbandingan yang menarik. Gaya bahasa perbandingan digunakan untuk menghasilkan konsep kata abstrak kepada yang lebih konkrit.

Penggunaan konsep yang abstrak dan sukar untuk digambarkan, telah membawa kepada kewujudan gaya bahasa perbandingan ini. Dengan kewujudan ini diharapkan para pembaca dapat membuka minda dengan luasnya kerana pengarang telah menggunakan kata yang konkrit. Konkrit lebih memberikan gambaran yang jelas dan mudah difahami khalayak.

Dengan penggunaan kerangka analisis gaya bahasa perbandingan Henry Guntur Tarigan berdasarkan tiga kategori, iaitu metafora, personifikasi dan perumpamaan, penelitian ini mendapati bahawa pengarang syair ini telah menggunakan kesemua gaya bahasa tersebut dan menyampaikan karyanya dengan menarik. Pengarang menggunakan gaya bahasa metafora apabila memanipulasikannya dengan menggunakan kata-kata dan maksud yang lain daripada kebiasaan yang digunakan seperti menggunakan frasa 'Cahayanya marak suluh alam', 'Matanya besar warnanya darah', 'Sinuai bersorak suaranya besar' yang mampu merangsang pemikiran positif dan kreativiti khalayak pembacanya. Pengarang turut menggunakan gaya bahasa personifikasi dengan memberikan sifat manusia kepada benda yang tidak bernyawa seperti 'Daun berlari mega menyinsing', 'Kayuan terbang seperti turak' dan 'Burung berkata berperi-peri'. Pengarang begitu arif memanipulasikan penggunaan personifikasi dalam penulisannya untuk mengalihkan makna dan menyampaikan mesej sepenuhnya kepada objek. Kreativiti pengarang dalam membuat penyamaan dalam penulisannya akan menarik minat pembaca. Penyamaan boleh dilakukan dengan apa sahaja perkara yang berada di sekeliling manusia. Berkaitan gaya bahasa perumpamaan, pengarang begitu kreatif menimbulkan kiasan, perbandingan, kesamaran dan menzahirkan makna dengan menggunakan kata hubung 'laksana' dan 'sebagai'.

Penelitian terhadap gaya bahasa perbandingan dalam *Syair Awang Semaun* ini dibuat adalah untuk menambahkan lagi bilangan kajian mengenai gaya bahasa daripada sudut pandang yang lain. *Syair Awang Semaun* sesungguhnya merupakan satu teks naskhah yang menarik untuk dibuat kajian kerana dalamnya terkandung penggunaan gaya bahasa yang menarik.

RUJUKAN

- Abang Patdeli Abang Muhi. 2018. Akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu* 13: 28-41
- Ade Nurdin, Yani Maryani & Mumu. 2004. *Intisari bahasa dan sastra Indonesia untuk SMU*. Bandung: CV. Pustaka Setia.
- A.Halim Ali, Norazimah Zakaria & Ariff Mohamad. 2017. Gambaran budaya masyarakat Brunei dalam kumpulan puisi Diam-Diam karya K. Manis. *Jurnal Melayu* 16 (2) 235 - 255
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2005. *Teori dan teknik terjemahan*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ampuan Haji Ibrahim. 2008. *Manuskrip Syair Awang Semaun: Kajian dan manfaatnya kepada orang Brunei*. Brunei Darussalam: Penerbit Universiti.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Intan Zahariah Gaisun. 2014. Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*. 13: 72-84
- Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan @ Hussin & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Metafora konsep manusia ialah haiwan dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan kesayangan. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(3): 17-27.
- Hajah Hasimah Haji Hanafi (pngr). 2010. *Syair Awang Semaun* (Koleksi Muzium). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

- Kamus Dewan*. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Keraf, Gorys. 1987. *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Mardorini. 2020. *Tari Turak pada Suku Rawas*. Sumatera Barat: balai pelestarian nilai budaya.
- Md Zahril Nizam Md Yudoff, Darwalis Sazan & Norian Mohamed. 2020. Analisis stilistik dalam teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu* 19(1): 54 – 74.
- Melati Desa. 2020. Analisis Terjemahan Metafora Hidup dan Personifikasi Dalam Novel Jepun Haru No Yuki. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*. 4 (4): 115-139.
- Muhammad Nor Sahfiq Amran & Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Rasa emosi Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu* 20 (2) 267 – 281.
- Mohd. Khir Kassim. 2004. *Komsas, revisi prioriti PMR terkini*. Kuala Lumpur: Sasbadi.
- Muharam Awang & Zubir Idris. 2023. Analisis kritis gaya bahasa perbandingan puisi Usman Awang. *Akademika* 93(1), 2023: 205-218.
- Naffi Mat & Norazimah Zakaria. 2014. Wasilah mesej Melayu melalui penyair zaman SITC (1992-1957). *Jurnal Melayu*. 13: 40-51.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2005. Pengajaran gaya bahasa dalam bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 16.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2020. Objek dalam metafora dan akal budi Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13(2): 199-222.
- Tarigan, Henry Guntur. 2009. *Pengkajian pragmatik*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, Henry Guntur. 1983. *Pengajaran gaya bahasa*. Bandung: Angkasa.

Biodata Penulis:

Khayrin Kamalia Ramle merupakan pelajar berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2023. Beliau telah mengikuti Program Persuratan Melayu (sesi 2021-2023), Sekretariat Prasiswa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zubir Idris (PhD) merupakan Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.